

Hamparan permaidani merah dan penghormatan negara untuk Perdana Menteri Malaysia

SUHARTO SAMBUT MAHATHIR

14 AUG 1981

DARI KHALID MOHD.

JAKARTA, 13 Ogos — Indonesia menghampar permaidani merah dan memberikan penghormatan negara kepada Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang tiba di sini untuk memulakan rangka lawatan perkenalannya ke negara-negara anggota ASEAN sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru.

Ketibaannya bersama Datin Sri Dr. Siti Hasmah tepat jam 12 tengah hari di Lapangan Terbang Halim Jakarta, dengan pesawat khas TUDM disambut sendiri oleh Presiden Indonesia dan isterinya.

Turut menyambut ketibaan Perdana Menteri itu ialah Naib Presiden, Tun Adam Malik dan isteri, Menteri Luar Profesor Mochtar Kusumaatmadja serta isteri dan ketua-ketua perwakilan asing di Jakarta.

Kunjungan Datuk Sri Dr. Mahathir ke Jakarta merupakan lawatan rasminya yang pertama ke luar negeri sejak mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri pada 16 Julai lalu.

Selepas Jakarta, beliau akan melawat Bangkok pada 24 dan 25 Ogos diikuti dengan lawatan ke Singapura pada awal September.

Rombongan Datuk Sri Dr. Mahathir disertai oleh Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie, Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Ghazali Seth, Ketua Polis Negara Tan Sri Haniff Omar dan beberapa orang pegawai kanan kerajaan yang lain.

Sebaik-baik sahaja turun dari pesawat khas, Datuk Sri Dr. Mahathir disambut oleh Presiden Suharto dan isterinya yang menunggu di tangga. Beliau kemudian dikalungkan dengan selingkar bunga orkid manakala Datin Sri Dr. Siti Hasmah pula diserahkan dengan sejangkang bunga berwarna-warni.

Selepas itu Presiden Suharto mengiringi Datuk Sri Dr. Mahathir ke pentas khas untuk menerima tabik hormat dari kawalan kehormatan yang terdiri dari semua unit angkatan bersenjata Indonesia.

LIHAT MUKA 11 (Ruang 4)

Bila kedua pemimpin itu menaiki pentas khas, pasukan pancaragam angkatan tentera memainkan lagu Negaraku diikuti dengan lagu kebangsaan Indonesia. Serentak dengan itu tembakan meriam 21 das dilepaskan.

Kemudian Datuk Sri Dr. Mahathir dijemput memeriksa barisan kawalan kehormatan dengan diiringi oleh Presiden Suharto.

Selesai memeriksa beliau kembali menaiki pentas khas bersama Presiden Suharto di mana lagu penghormatan kebesaran dimainkan.

Selepas itu Presiden Suharto mengiringi Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad untuk memperkenalkannya

kepada ketua-ketua perwakilan asing di Jakarta, pegawai-pegawai, tinggi pemerintah Indonesia serta kakitangan Kedutaan Malaysia di sini.

Bila upacara perkenalan itu selesai, Presiden Suharto mengiringi Datuk Sri Dr. Mahathir ke Istana Merdeka di mana rombongan Malaysia diperkenalkan pula kepada Presiden itu dan isterinya.

Setelah berehat sejenak, Presiden Suharto dan isterinya mengiringi Datuk Sri Dr. Mahathir dan isterinya ke Wisma Negara di mana tetamu-tetamu negara itu akan menginap.

Dalam perjalanan ke Istana Merdeka, kanak-kanak sekolah berbaris sepanjang jalan sambil mengibarkan bendera Malaysia dan Indonesia mengalu-alukan kedatangan tetamu-tetamu dari negara serumpun itu.

Bandaraya Jakarta kelihatan begitu segar dengan persiapan-persiapan menyambut Hari Kemerdekaan Indonesia yang akan dirayakan bagi kali ke-36 pada 17 Ogos.

Sebelum mengadakan rundingan rasmi dengan Presiden Suharto petang ini di Istana Merdeka, Datuk Sri Dr. Mahathir mengunjungi Naib Presiden Tun Adam Malik.

Di sebelah malam, Presiden Suharto meraikan tetamunya dengan jamuan negara di Istana Negara.

Datin Sri Dr. Siti Hasmah yang mempunyai aturcara berasingan menyaksikan pameran kerajinan tangan di Wisma Negara di sebelah petang.


Sementara itu, sebuah harian Indonesia 'Berita Yudha' dalam rencana pengarangnya berkata lawatan Perdana Menteri Malaysia ke Indonesia akan mengukuhkan lagi hubungan baik antara kedua-dua buah negara.

Di Kuala Lumpur: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam mengetuai orang-orang kenamaan untuk mengucapkan selamat jalan kepada Datuk Sri Dr. Mahathir dan Datin Sri Dr. Siti Hasmah di pangkalan udara TUDM pagi ini.

Seorang pegawai kanan Wisma Putra yang turut mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan itu memberitahu tidak ada sebarang perkara khusus akan dibincangkan oleh kedua-dua pemimpin itu selain dari issue-issue dua hala dan serantau yang melibatkan Malaysia dan Indonesia.

Bagaimanapun, menurutnya mereka dijangka akan mengkaji kemajuan yang dicapai sejak pertemuan mereka di Tawau tahun lalu, ketika mana Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memangku jawatan Perdana Menteri.

Perdana Menteri juga dijangka memberi taklimat kepada Presiden Suharto mengenai rundingannya dengan Perdana Menteri China Zhao Ziyang yang melawat Malaysia awal minggu ini.



Mahathir berlepas ke Indonesia

PERDANA Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad [kiri] dan timbalannya, Datuk Musa Hitam membincangkan sesuatu sejour sebelum Perdana Menteri meninggalkan tanahair semalam untuk melakukan lawatan rasmi dua hari ke Indonesia.

Datuk Sri Dr. Mahathir disertai oleh isterinya Datin Sri Dr. Siti Hasmah dalam lawatan tersebut atas jemputan Presiden Suharto. Perdana Menteri berlepas dari Lapangan Terbang TUDM dengan sebuah jet eksekutif TUDM.

Kelihatan juga dalam gambar ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie yang turut mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan itu.